

Headline	BHPetrol sasar buka 15 stesen minyak baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	NUR NAZLINA NADZARI	AdValue	RM 7,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,887



PEGAWAI Khas Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sharifah Azizah Syed Zain (tengah) melihat penerima bantuan MyKasih membuat pembayaran petrol menggunakan MyKad pada Majlis Pelancaran Program Subsidi Petrol YAYASAN MyKasih dan BH Petrol di BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara, di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Datuk Badlisham Ghazali (lima kanan). – UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

BHPetrol sasar buka 15 stesen minyak baharu

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Jun - Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd. (BHPetrol) menyasarkan untuk membuka 10 hingga 15 stesen petrol baharu dengan pelaburan sebanyak RM50 juta pada tahun ini.

Pengarah Urusannya, Tan Kim Thiam berkata, lokasi bagi stesen petrol baharu tersebut masih akan ditumpukan di Semenanjung Malaysia dan syarikat belum merancang untuk menembusi pasaran Sabah dan Sarawak.

"Buat masa ini, kami belum lagi merancang untuk membuka di Sabah dan

Sarawak di sebabkan oleh keadaan ekonomi," katanya ketika ditemui pada pelancaran program Subsidi Minyak BHPetrol dan Yayasan MyKasih di stesen BHPetrol Kampung Kayu Ara, Petaling Jaya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun dan Pemegang Amanah Yayasan MyKasih, Datuk Badlisham Ghazali.

Syarikat yang ditubuhkan pada 30 September 2005 tersebut kini mempunyai 350 stesen petrol di seluruh Semenanjung Malaysia.

Melalui program Subsidi Minyak BHPetrol dan Yayasan MyKasih itu, BH-

Petrol menjadi penaja bersama kepada 40 keluarga dari Kampung Sungai Kayu Ara bagi membeli petrol di stesen BHPetrol selama 12 bulan.

Keluarga terbabit yang menjadikan motosikal sebagai pengangkutan utama mereka boleh membeli minyak menggunakan MyKad di stesen BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara.

Kim Thiam berkata, melalui program terbabit, BHPetrol akan menyumbangkan RM20 sebulan kepada 40 keluarga itu untuk membeli minyak dalam masa setahun.

"Program begini adalah baik dan kami juga berharap agar lebih banyak usahasama dapat dilaksanakan pada masa depan," katanya.